

SEKITAR



EDISI 7 : 1 - 15 APRIL 2016

MEMENUHI EKSPEKTASI RAKYAT



Majlis Pelancaran 1SERVE Transit Lounge @ JPA4U

ms5



Majlis Taklimat Media
Model Baharu Penajaan JPA 2016

ms3



Syarahan Perdana Transformasi
Perkhidmatan Awam oleh YBhg.
Tan Sri KPPA

ms6



Majlis Taklimat Pelaksanaan
Pekeliling Perkhidmatan
Bil. 1 Tahun 2016

ms7

Kunjungan Hormat Delegasi *Asian Institute of Technology* ke atas TKPPA (P)



PUTRAJAYA, 1 APRIL 2016 - Kunjungan hormat oleh Prof Kazuo Yamamoto dan delegasi *Asian Institute of Technology*, Thailand (AIT) kepada YBhg. Dato' Jalil Marzuki, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan), TKPPA(P) telah berlangsung di Bilik Mesyuarat TKPPA(P), Aras 13, Blok C1, Kompleks C, JPA.

Delegasi kunjungan hormat ini bertujuan untuk memperkasakan jalinan kerjasama di antara JPA dan AIT serta seterusnya membincangkan dan mempromosi kursus-kursus pengajian peringkat tinggi jangka panjang dan kursus-kursus jangka pendek di AIT Thailand untuk pembangunan modal insan Sektor Awam Malaysia.



"The only way to do great work is to love what you do. If you haven't found it yet, keep looking. Don't settle."
Steve Jobs, Apple

Majlis Amanat KSN & Penyampaian Surat Pelantikan dan Penempatan PTD Gred M41 Lantikan 2016



PUTRAJAYA, 1 APRIL 2016 - Majlis Amanat Ketua Setiausaha Negara dan Penyampaian Surat Pelantikan dan Penempatan pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik, Gred M41, Lantikan 2016 telah berlangsung di Auditorium JPA, Blok C1, Kompleks C, JPA. Dihadiri oleh pegawai-pegawai tertinggi dan kanan perkhidmatan, majlis ini bertujuan untuk menyampaikan watak pelantikan dan penempatan jawatan bagi graduan-graduan Program Diploma Pascasiswazah Pengurusan Awam (DPPA), Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Tahun 2015.

Lantikan 2016 melihatkan seramai 291 orang pegawai baru yang terdiri daripada pelbagai lapisan dan latar belakang masyarakat. Dalam amanat beliau, YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa mengingatkan pegawai-pegawai muda supaya tidak terlalu taksud dengan isu-isu politik di luar sehingga mengganggu prestasi kerja di penempatan baru ini. Beliau menyarankan agar keutamaan pegawai-pegawai perlu difokuskan kepada kualiti penyampaian perkhidmatan bagi rakyat tanpa prejudis merentasi batasan kaum, agama, dan fahaman politik.

Sesi Rakaman RTM bersama KPPA Bersempena 70 Tahun RTM



PUTRAJAYA, 1 APRIL 2016 - Sesi Rakaman Ucapan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal bagi Ulang Tahun ke-70 RTM telah berlangsung di Lobi C1, Blok C, JPA.

Turut hadir menyaksikan rakaman tersebut adalah YBhg. Dato' Sri Dr. Sharifah Zarah Syed Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia.

"Management is nothing more than motivating other people."

Lee Iacocca, Ford

Majlis Taklimat Media - Model Baharu Penajaan JPA 2016



PUTRAJAYA, 5 APRIL 2016 - Majlis Taklimat Media bagi Model Baharu Penajaan JPA 2016 telah diadakan di Dewan Mezzanine, Blok C1, Kompleks C, JPA dengan berpanelkan YBhg. Tan Sri KPPA, Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan, YBhg. Datin Dr. Roslina Ahmad Mokhtar, dan Ketua Komunikasi, YBhg. Datuk Surendran C.K. Balan. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Pendidikan Tinggi juga menghadiri majlis tersebut dengan diwakili oleh YBhg. Tan Sri Dr. Madinah Mohamad, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan dan YBhg. Datuk Nik Ali Mat Yunus, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.

Majlis ini diadakan dengan bertujuan untuk memberi penjelasan yang terperinci kepada pihak media

mengenai Model Baharu Penajaan JPA 2016 oleh Pengurusan Tertinggi JPA sebelum ia disiarkan secara rasmi kepada umum. Majlis ini juga diharap dapat menerima bantuan dan sokongan dari pihak media untuk memberikan maklumat yang lebih tepat dan benar kepada para pembaca dan orang awam secara umumnya.

Pengubahsuaian Bajet 2016 yang telah dilaksanakan pada 28 Januari 2016 mengambil kira pengurangan perbelanjaan sebanyak RM 9 bilion berikutan penurunan dalam kutipan hasil negara. Susulan daripada itu JPA juga perlu melaksanakan langkah pengubahsuaian yang lebih strategik bagi mengoptimumkan peruntukan yang sedia ada serta mengambil kira kepentingan program pembangunan modal insan yang lebih holistik. Model





baharu penajaan dirangka berdasarkan empat teras utama iaitu:

- i. Merit dan Inklusiviti;
- ii. Fokus kepada Golongan B40, M40 dan *Technical & Vocational Education and Training* (TVET);
- iii. Pembangunan Malaysia sebagai Hab Pendidikan; dan
- iv. Pulangan Pelaburan.

Model baharu ini membolehkan penajaan dilaksanakan secara komprehensif merangkumi aspek merit dan kecemerlangan serta keperluan membantu golongan berpendapatan rendah dalam kategori B40 terutama dalam bidang Teknikal dan Vokasional. Tumpuan juga akan diberikan kepada penajaan pelajar ke IPT dalam negara bagi menyokong usaha kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan serantau. Usaha ini juga akan dapat memartabatkan IPT tempatan dan memastikan kemampunan fiskal jangka panjang negara.



Majlis Menandatangani Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2016



PUTRAJAYA, 7 APRIL 2016 - Majlis Menandatangani Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2016 telah diadakan di Dewan Mezzanine, Blok C1, Kompleks C, JPA dengan disempurnakan oleh KPPA, YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal; dan disaksikan oleh pengurusan tertinggi JPA dan wakil-wakil dari kesatuan pekerja, CUEPECS. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2016 ini dibangunkan berlandaskan dari inisiatif Transformasi Perkhidmatan Awam dan diharap dapat memperkasa dan meningkatkan daya upaya Perkhidmatan Awam melalui:

- i. Menarik & mengekal modal insan terbaik;
- ii. Menambah baik *mobility* dan kemajuan kerjaya;

- iii. Mewujudkan fleksibiliti dalam urusan perkhidmatan;
- iv. Mengemaskini syarat lantikan supaya relevan dengan keperluan semasa;
- v. Memperkemaskan pengurusan skim perkhidmatan; dan
- vi. Memperuntukkan kelayakan pendidikan Teknikal & Latihan Vokasional (TVET) dalam skim perkhidmatan.

Sebuah majlis taklimat khas telah dijadualkan susulan dari majlis ini untuk memberikan penerangan yang lebih mendalam kepada warga Perkhidmatan Awam.

Majlis Apresiasi Puspanita JPA 2016



PUTRAJAYA, 8 APRIL 2016 - Telah berlangsung satu Majlis Apresiasi PUSPANITA JPA Tahun 2016 di Dewan Mezzanine, JPA bagi menghargai jasa dan sumbangan ahli PUSPANITA JPA yang telah bergerak aktif dalam menaikkan nama PUSPANITA JPA di mata umum. Sebanyak lima anugerah telah disampaikan dalam majlis ini, iaitu:

- i. Anugerah Bijak Ekonomi - Biro Keusahawanan (Bahagian Pembangunan Organisasi);
- ii. Anugerah Kembara - Biro Pendidikan (INTAN);
- iii. Anugerah Serikandi - Biro Pembangunan Keluarga (Bahagian Pasca Perkhidmatan);
- iv. Anugerah Biro Paling Aktif - Biro Sukan (Bahagian Khidmat Pengurusan); dan

- v. Trofi Piala Pusingan Puan Sri Asmahan Ismail - Biro Sukan (Bahagian Khidmat Pengurusan)

Majlis yang dihadiri oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam merangkap Penasihat PUSPANITA JPA, YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Pengerusi PUSPANITA JPA, YBhg. Puan Sri Asmahan Ismail, Pengarah-pengarah bahagian JPA, Pengerusi-pengerusi Biro PUSPANITA JPA dan ahli-ahli PUSPANITA JPA ini berlangsung dengan cukup meriah, dengan makanan '*pot luck*' yang disediakan sendiri oleh ahli-ahli PUSPANITA JPA dan diserikan lagi dengan dendangan nyanyian oleh artis residen JPA.

Syabas PUSPANITA JPA dan tahniah kepada semua penerima anugerah! Semoga PUSPANITA JPA terus cemerlang, gemilang dan terbilang.

Majlis Pelancaran 1SERVE Transit Lounge @ JPA4U



PUTRAJAYA, 8 APRIL 2016 - Majlis Pelancaran 1SERVE Transit Lounge @ JPA4U telah berlangsung di Blok C10, Kompleks C, JPA dan telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal. 1SERVE Transit Lounge @JPA4U merupakan inisiatif kepuasan khidmat pelanggan kaunter 1SERVE JPA4U yang

menawarkan kemudahan Transit Lounge dan perkhidmatan *shuttle buggy* kepada semua pelanggan Kaunter 1SERVE JPA4U. Transit Lounge @JPA4U akan ditempatkan di Blok C10 dan perkhidmatan *shuttle buggy* akan menghubungkan pelanggan dari Transit Lounge @JPA4U ke Kaunter 1SERVE JPA4U di Blok C2.



Syarahan Perdana Transformasi Perkhidmatan Awam oleh YBhg. Tan Sri KPPA



PULAU PINANG, 12 APRIL 2016 - Universiti Sains Malaysia telah menjemput YBhg. Tan Sri KPPA untuk menyampaikan Syarahan Perdana beliau bersempena pelantikan YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal sebagai Profesor Adjung USM di bawah *CEO Faculty Programme*. Syarahan Perdana yang pertama kali diadakan di USM melalui program *CEO Faculty Programme* Kementerian Pendidikan Malaysia ini

terbuka kepada semua warga USM dan orang ramai.

Dalam syarahan perdana beliau, YBhg. Tan Sri KPPA berkongsi tentang usaha pelaksanaan program Kerangka Transformasi Perkhidmatan Awam setelah lebih tiga tahun pelaksanaannya sejak tahun 2013 yang telah menunjukkan impak yang telah melakar wajah baharu Perkhidmatan Awam.



"Management is doing things right; leadership is doing the right things."

Peter Drucker

Lawatan UPM



PUTRAJAYA, 12 APRIL 2016 - Jabatan Perkhidmatan Awam telah menerima satu lawatan ilmiah daripada Mahasiswa Pascasiswazah Program Sarjana Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Putra Malaysia pada hari ini. Lawatan yang berlangsung selama 2 jam ini bertujuan untuk mengetahui lebih lanjut mengenai inisiatif 1Malaysia *Customer Service of Civil Servants* (1SERVE) yang diterajui dan dilaksanakan oleh JPA.

wakil daripada Unit NBOS, JPA dan seterusnya penyampaian taklimat mengenai pelaksanaan inisiatif 1SERVE di peringkat JPA atau dijenamakan sebagai 1SERVE JPA4U oleh wakil UKK, JPA. Para mahasiswa seterusnya telah dibawa ke Kaunter 1SERVE JPA4U bagi melihat sendiri pelaksanaan inisiatif 1SERVE JPA4U.

Semoga dengan pendedahan ini dapat membantu para mahasiswa untuk lebih memahami subjek yang berkaitan dengan pembelajaran mereka.

Lawatan dimulakan dengan penyampian taklimat mengenai konsep dan pelaksanaan inisiatif 1SERVE oleh

Perhimpunan Bulanan JPA anjuran BPPs



PUTRAJAYA, 12 APRIL 2016 - Perhimpunan Bulanan JPA, bagi bulan April 2016 anjuran Bahagian Pengurusan Psikologi telah diadakan di Auditorium JPA, Blok C1, Kompleks C, JPA. Tema perhimpunan yang dilaksanakan kali ini berkonsepkan Bahagia@JPA yang berteraskan saranan YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal tentang kepuasan dan keseronokan bekerja semasa sesi amanat tahun baru beliau awal tahun ini.

Penyampaian Anugerah Kegemilangan JPA (AKJPA) Tahun 2015 juga telah disampaikan oleh YBhg. Tan Sri KPPA pada majlis ini. AKJPA mula diperkenalkan pada Tahun 2010 berdasarkan kepada keputusan Mesyuarat Pasukan Petugas Kualiti dan Produktiviti JPA Bil.

2/2010. Sebelum ini, ianya dikenali sebagai Anugerah Kualiti Jabatan Perkhidmatan Awam. AKJPA adalah merupakan pengiktirafan dan penghargaan tertinggi yang diberikan oleh JPA kepada Bahagian yang mencapai tahap pengurusan kualiti dan inovasi yang sangat cemerlang. Pemberian anugerah ini adalah sebahagian daripada aktiviti utama di bawah Program Kualiti dan Inovasi Tahunan JPA.

Tahun ini memperlihatkan Bahagian Pembangunan Modal Insan dinobatkan sebagai juara. Syabas dan tahniah diucapkan kepada Bahagian Pembangunan Modal Insan!

"Sometimes one can become lost in a big company and lose sight of how what one does truly helps or impacts the end customer. If you are one of those, think of a fire brigade, a line of people passing buckets of water from one to the other from a source of water to the site of the fire. An individual in the brigade may not be able to see the end result, i.e. the water being thrown on the fire to put it out, but the contribution of the individual is indispensable to the final outcome."

Grant Bright, IBM

Majlis Taklimat Pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2016



PUTRAJAYA, 14 APRIL 2016 - Majlis Taklimat Pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2016 telah diadakan di Auditorium JPA, Blok C1, Kompleks C, JPA. Majlis ini bertujuan untuk memberi penerangan kepada pegawai Perkhidmatan Awam mengenai rasionalisasi skim perkhidmatan. Rasionalisasi ini melibatkan 252 skim perkhidmatan dan bukan semakan gaji.

Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri KPPA dan panel taklimat melibatkan Pengarah Bahagian Pembangunan Organisasi, YBhg. Dato' Haji Mansor

Man, Pengarah Bahagian Perkhidmatan, YBhg. Dato' Mohtar Mohd Abd Rahman dan Timbalan Pengarah Kanan Bahagian Saraan, Encik Abdul Jamil Abdul Halim. Majlis ini telah dihadiri oleh pelbagai lapisan warga Perkhidmatan Awam termasuk wakil-wakil dari Kementerian dan Agensi Kerajaan. Turut hadir bersama wakil dari kesatuan CUEPECS dan media tempatan.

Fokus utama Kerajaan mengenai pakej rasionalisasi Perkhidmatan Awam ini menyentuh tentang penambahbaikan 252 skim perkhidmatan; dan penetapan RM1,200 sebagai gaji permulaan terendah.

Sekitar Majlis Taklimat Pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2016



IKUTI KAMI   www.jpa.gov.my  [Jabatan Perkhidmatan Awam](#)  [@jpa2day](#)  [Jabatan Perkhidmatan Awam](#)  [@jpa2day](#)

Blok C1, C2 & C3, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62510 W.P. Putrajaya, Malaysia. | Telefon : +603 8000 8000
Sumbangan Berita : Warga JPA | Penerbitan : Komunikasi Korporat | Percetakan : Unit Dokumentasi JPA

PENERAJU TRANSFORMASI PERKHIDMATAN AWAM